Repairs of building with a cost RM300,000 and above will be capitalised. Any repairs of building with a cost below RM300,000 are charged to the Statement of Financial Performance in the financial year it is incurred.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.3 Hartanah, Loji Dan Peralatan (samb.)

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Semua perbelanjaan baik pulih dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Jika suatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai buku bersih atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomik masa akan datang atau potensi perkhidmatan kepada Kumpulan dan Universiti dan kos tersebut dapat diukur secara pasti.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan dengan membandingkan hasil jualan bersih dan nilai buku bersih bagi Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut dan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.3 Property, Plant and Equipment (cont'd.)

Property, Plant and Equipment are stated at cost less accumulated depreciation and impairment losses, if any. Cost includes all direct cost involved in bringing the asset to its location and condition necessary for it to operate in the manner intended by management. The replacement cost for any asset requiring periodic replacement will be capitalised, while the carrying amount of the replacement part will be derecognised. All repair and maintenance cost are charged to the Statement of Financial Performance in the financial year as incurred.

If an asset is acquired through a non-exchange transaction, the cost should be measured based on the fair value at the acquisition date. These assets are then credited in the Statement of Financial Performance, unless there are conditions regarding the use of the asset, in which case it should be recognised in current liabilities.

Post-acquisition costs are included in the net book value or recognised as a separate asset, as appropriate, if the asset has future economic benefits or potential service to the Group and University and the cost can be measured reliably.

Gains or losses from the disposal of assets are determined by comparing the net sales proceeds with the net book value of the Property, Plant and Equipment and are recognised in the Statement of Financial Performance.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.3 Hartanah, Loji Dan Peralatan (samb.)

Kerja Dalam Kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut tarikh sijil perakuan siap dikeluarkan dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.4 Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

	Kadar Tahunan
Tanah	Tempoh pajakan
Bangunan	
- Bangunan	5%
- Ubahsuaian	10% - 20%
Infrastruktur	
- Infrastruktur	5%
- Ubahsuaian	10% - 20%
Kenderan dan Jentera	20%
Alatan	10 – 33%

Aset sewaan disusut nilaikan berdasarkan tempoh sewaan dan usia penggunaannya mana yang lebih awal melainkan Kumpulan dan Universiti mendapat pengesahan pemilikan aset berkenaan.

Tanah milik bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusut nilaikan. Kerja Dalam Kemajuan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai sisa dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan secara prospektif, jika bersesuaian, dan aset perlu disemak sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.3 Property, Plant and Equipment (cont'd.)

Work in Progress refers to the construction work of Property, Plant and Equipment, as well as computer software in progress that has not been completed by the end of the financial year. The cost of constructing Property, Plant and Equipment will be capitalised as Property, Plant and Equipment according to the date the certificate of completion is issued and amortised. For computer software costs, it will be capitalised when the software is ready for use and amortised.

2.4 Depreciation of Property, Plant and Equipment

All Property, Plant and Equipment are depreciated using the straight-line method based on the estimated useful life at the following rates:

	Annual Rate
Land	*Lease period*
Buildings	
- Buildings	*5%*
- Renovations	*10% - 20%*
Infrastructures	
- Infrastructures	*5%*
- Renovations	*10% - 20%*
Vehicles and Machineries	*20%*
Equipment	*10 – 33%*

Leased assets are depreciated based on the lease term and their useful life, whichever is shorter, unless the Group and University obtain confirmation of ownership of the asset.

Freehold land with an indefinite useful life is not depreciated. Work in Progress is not depreciated as these assets are still under development.

At each date of Statement of Financial Position, the residual values and useful lives of assets are reviewed and adjusted prospectively, if appropriate, and the assets are assessed for any indications of impairment.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.5 Hartanah Pelaburan

Pengiktirafan awal bagi Hartanah Pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos, termasuk kos urus niaga. Nilai dibawa termasuklah kos penggantian komponen Hartanah Pelaburan pada masa ianya dilibatkan sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi dan tidak termasuk kos penyelenggaraan harian bagi Hartanah Pelaburan tersebut.

Perolehan Hartanah Pelaburan melalui urus niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, Hartanah Pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

Susut nilai Hartanah Pelaburan dikira menggunakan kaedah garis lurus mengikut anggaran usia guna aset tersebut. Hartanah Pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusut nilaikan dan tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Hartanah Pelaburan dinyahiktiraf sama ada hartanah tersebut telah dilupuskan atau tidak lagi digunakan secara tetap dan tiada manfaat ekonomik masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangkakan daripada pelupusannya.

Untung atau rugi daripada pelupusan Hartanah Pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh hartanah tersebut dinyahiktiraf.

Pindahan daripada atau kepada Hartanah Pelaburan hanya dibuat sekiranya berlaku perubahan dalam kegunaan hartanah tersebut.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.5 Investment Properties

Initial recognition of Investment Properties acquired through exchange transactions is recognised at cost, including transaction costs. The carrying amount includes the cost of replacing components of Investment Properties at the time it are incurred if the recognition criteria are met and excludes the day-to-day maintenance costs of the Investment Properties.

Acquisition of Investment Properties through non-exchange transactions are measured at fair value on the acquisition date.

After initial recognition, Investment Properties are stated at cost less accumulated depreciation and accumulated impairment losses (if any).

Depreciation of Investment Properties are measured using the straight-line method based on the estimated useful life of the assets. Investment Properties related to freehold land are not depreciated, and leasehold land are amortised over the lease term. Depreciation charges are recognised in the Statement of Financial Performance.

Investment Properties are derecognised either when it has been disposed of or when it is permanently unused and no future economic benefits or service potential are expected from its disposal.

Gains or losses from the disposal of Investment Properties are recognised at the net amount in the Statement of Financial Performance in the period the property is derecognised.

Transfers to or from Investment Properties are made only when there is a change in the use of the Property.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.6 Inventori

Inventori diiktiraf sekiranya terdapat kebarangkalian manfaat ekonomik masa hadapan akan mengalir kepada Universiti dan aset mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan boleh percaya. Sekiranya Inventori diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos inventori tersebut adalah nilai saksamanya pada tarikh perolehan.

Selepas pengiktirafan awal, Inventori diukur pada kos dan nilai boleh direalisasi, mana yang lebih rendah, kecuali Inventori yang dipegang untuk agihan atau kegunaan dalam proses pengeluaran barang-barang bagi tujuan edaran secara percuma (tiada caj) atau pada kadar caj nominal. Dalam hal ini, Universiti mengukur Inventori pada kos dan kos penggantian kini, mana yang lebih rendah. Inventori akan diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan apabila digunakan dalam perjalanan operasi biasa Universiti. Tiada definisi pasti untuk nilai realisasi bersih atau kos penggantian semasa.

2.7 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian bahawa manfaat ekonomik masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Kumpulan dan Universiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara yang dibeli secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.6 Inventories

Inventories are recognised when it is probable that future economic benefits will flow to the University and the asset has a cost or value that can be measured reliably. If Inventories are acquired through a non-exchange transaction, the cost of the inventories is its fair value at the acquisition date.

After initial recognition, Inventories are measured at the lower of cost and net realisable value, except for Inventories held for distribution or use in the production of goods to be distributed free of charge (no charge) or at a nominal charge. In this case, the University measures Inventories at the lower of cost and current replacement cost. Inventories are recognised as an expense when it is used in the ordinary course of the University's operations. There is no definitive definition for net realisable value or current replacement cost.

2.7 Intangible Assets

Intangible Assets are recognised when it is probable that future economic benefits or service potential will flow to the Group and University and the cost or fair value of the asset can be measured reliably.

Intangible Assets acquired separately are initially measured at cost, while assets acquired through non-exchange transactions are measured at fair value on the acquisition date. Subsequently, Intangible Assets are measured at cost less any accumulated amortisation and any accumulated impairment losses, if any. Costs related to internally generated Intangible Assets are recognised as an expense.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.7 Aset Tak Ketara (samb.)

Suatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset Tak Ketara yang terdiri daripada lesen dan perisian akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 20% - 25%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.8 Aset Kewangan

Aset Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, Aset Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk Aset Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbit Aset Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori Aset Kewangan iaitu Aset Kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan Aset Kewangan sedia untuk dijual.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.7 Intangible Assets (cont'd.)

An Intangible Asset is measured to determine whether it has a finite useful life or not. If the intangible asset does not have a useful life, it is not amortised but needs to be assessed for impairment if there are any indications.

Intangible Assets consisting of licenses and software will be capitalised and amortised using the straight-line method based on the estimated useful life at a rate of 20% - 25%. The residual value and useful life of the assets will be reviewed and adjusted if necessary, at the end of the reporting period.

Gains or losses on the derecognition of Intangible Assets are determined by comparing the net disposal value with the net book value, with the difference being recognised as a gain or loss in the Statement of Financial Performance.

2.8 Financial Assets

Financial Assets are recognised in the Statement of Financial Position when the Group and University become a parties to the contractual provisions of the instruments.

During initial recognition, Financial Assets are measured at fair value, including transaction costs for Financial Assets not measured at fair value through surplus or deficit, which are directly attributable to the acquisition of the Financial Assets.

After initial recognition, Financial Assets are classified into one of four categories of Financial Assets which is Financial Assets measured at fair value through surplus or deficit, loans and receivables, held-to-maturity investments, and Financial Assets available-for-sale.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.8 Aset Kewangan (samb.)

Pembelian atau penjualan Aset Kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan dan Universiti membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.1 Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah Aset Kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga di dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan tersebut kemudiannya diukur pada nilai kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Pinjaman dan Belum Terima diklasifikasikan sebagai aset semasa kecuali Pinjaman dan Belum Terima di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.8 Financial Assets (cont'd.)

Purchases or sales of Financial Assets which require the delivery of assets within a fixed period by regulation or convention in the market are recognised on the date of transaction, i.e., the date the Group and University commit to purchase or sell the assets.

2.8.1 Loans and Receivables

Loans and Receivables are non-derivative Financial Assets with fixed or determinable payments that are not quoted in an active market. After initial recognition, these Financial Assets are subsequently measured at amortised cost using the effective interest rate, less impairment. Amortised cost is calculated by taking into account any discount or premium on acquisition and fees or costs that are part of the effective interest rate. The losses from impairment are recognised in surplus or deficit.

Loans and Receivables are classified as current assets, except for those with maturities more than 12 months after the reporting date, which are classified as non-current assets.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.8 Aset Kewangan (samb.)

2.8.2 Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan

Bagi mana-mana derivatif terbenam yang tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

2.8.3 Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah Aset Kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori Aset Kewangan lain. Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan sedia dijual dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama Aset Kewangan tersebut diiktiraf melalui Penyata Aset Bersih, kecuali kerugian rosot nilai, kerugian dan keuntungan pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira di bawah kaedah faedah berkesan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.8 Financial Assets (cont'd.)

2.8.2 Financial Assers at Fair Value Through Surplus or Deficit

For any embedded derivatives that cannot be reliably measured separately whether at the acquisition date or at the end of the subsequent reporting period, the entire instruments is stated at Fair Value Through Surplus or Deficit. However, if the all instruments cannot be reliably measured, it is stated at cost less impairment.

2.8.3 Financial Assets Available-for-Sale

Financial Assets Available-for-Sale are Financial Assets stated as available for sale or not classified in any other Financial Assets category. After initial recognition, Financial Assets Available-for-Sale are stated at fair value. Gains or losses from changes in the fair value of these Financial Assets are recognised through the Statement of Net Assets, except for impairment losses, losses and gains on foreign exchange at the financial instruments, and interest measured using the effective interest rate.

Investments in equity instruments where fair value cannot be reliably measured are stated at cost less impairment loss.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.8 Aset Kewangan (samb.)

2.8.4 Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset Kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang-hingga-matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Kumpulan dan Universiti akan menyahiktiraf Aset Kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada Aset Kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan Aset Kewangan apabila:

a) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput atau dikecualikan;

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.8 Financial Assets (cont'd.)

2.8.4 Held-to-Maturity Investments

Non-derivative Financial Assets with fixed or determinable payments and fixed maturity are classified as held-to-maturity when the Group and University have the positive intention and ability to hold them to maturity. After initial measurement, held-to-maturity investments are measured at amortised cost using the effective interest rate, less impairment. Amortised cost is calculated by taking into account any discount or premium on acquisition and fees or costs that are part of the effective interest rate. The losses arising from impairment are recognised in the Statement of Financial Performance.

The Group and University will derecognise a Financial Asset, or where applicable, a part of a Financial Asset or part of a group of Financial Assets when:

a) The rights to receive cash flows from the asset have expired or have been waived;

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.8 Aset Kewangan (samb.)

2.8.4 Pelaburan Dipegang Hingga Matang (samb.)

b) Kumpulan dan Universiti telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah menerima obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga; dan sama ada: (i) Kumpulan dan Universiti telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau (ii) Kumpulan dan Universiti tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa Aset Kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan. Bagi Aset Kewangan sedia untuk dijual, semua keuntungan atau kerugian yang diiktiraf sebelum ini di dalam Penyata Aset Bersih akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.9 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuklah:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
(ii) pembayaran tertunggak;
(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.8 Financial Assets (cont'd.)

2.8.4 Held-to-Maturity Investments (cont'd.)

b) The Group and University have transferred the rights to receive cash flows from the asset or have assumed an obligation to pay the received cash flows in full without material delay to a third party; and either: (i) the Group and University have transferred substantially all the risks and rewards of the asset; or (ii) the Group and University have neither transferred nor retained substantially all the risks and rewards of the asset, but have transferred control of the asset.

Any difference between the carrying amount of a derecognised Financial Asset and the consideration received is recognised in the Statement of Financial Performance in the period of derecognition. For Financial Assets Available-for-Sale, all previously recognised gains or losses in the Statement of Net Assets are recognised in the Statement of Financial Performance.

2.9 Impairment of Financial Assets

At the end of each reporting period, the Group and University will assess whether there is any objective evidence that a Financial Asset needs to be impaired. Objective evidence includes:

(i) significant financial difficulty of the borrower;
(ii) default or delinquency in payments;
(iii) the probability that the borrower will enter bankruptcy; or
(iv) *data indicating a measurable decrease in the estimated future cash flows.*

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.9 Rosot Nilai Aset Kewangan (samb.)

Bagi kategori Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif yang ketara wujud bagi individu maka semua aset Kumpulan dan Universiti yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

Bagi Aset Kewangan sedia untuk dijual, Kumpulan dan Universiti pada setiap tarikh laporan akan mengkaji sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan terjejas. Bukti objektif termasuk penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. 'Ketara' akan dinilai berdasarkan kepada kos asal pelaburan dan 'berpanjangan' pula dinilai berdasarkan tempoh di mana nilai saksama berada di bawah kos asalnya. Di mana terdapat bukti kemerosotan nilai, kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos pembelian dan nilai saksama semasa, ditolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dan dikeluarkan dari Penyata Aset Bersih dan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.9 Impairment of Financial Assets (cont'd.)

For the category of Financial Assets measured at amortised cost, if no significant objective evidence exists for individual assets, all assets of the Group and University with similar risk characteristics, whether significant or not, will be collectively assessed to determine if impairment is necessary.

Impairment losses related to Financial Assets measured at amortised cost are measured as the difference between the carrying amount of the asset and the present value discounted cash flows projection at the initial effective interest rate. The carrying amount of the asset is reduced using an allowance account. Any impairment loss is recognised immediately in the Statement of Financial Performance. If, subsequently any reduction in impairment losses amount, the previously recognised impairment loss is reversed directly in the allowance account. The reversal is recognised immediately in the Statement of Financial Performance.

For Financial Assets Available-for-Sale, the Group and University will review at each reporting date whether there is objective evidence that an investment or a group of investments is impaired. Objective evidence includes a significant or prolonged decline in the fair value of the investment below its cost. 'Significant' is evaluated against the original cost of the investment, and 'prolonged' is evaluated against the period during which the fair value has been below its original cost. Where there is evidence of impairment, the cumulative loss measured as the difference between the acquisition cost and the current fair value, less any impairment loss on that investment previously recognised in the Statement of Financial Performance, is removed from the Statement of Net Assets and recognised in the Statement of Financial Performance.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tiga bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.11 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.11.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan Universiti mengkaji semula nilai dibawa aset-asetnya bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan aliran tunai masa hadapan akan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.10 Cash and Cash Equivalents

The Statement of Cash Flows has been prepared using the indirect method. Cash and Cash Equivalents consist of cash in hand and at bank, highly liquid investments with licensed banks and financial institutions that have maturities of three months or less, which are readily convertible to known amounts of cash with insignificant risk of changes in value.

2.11 Impairment of Non-Financial Assets

2.11.1 Cash-Generating Assets

At every Statement of Financial Position date, the Group and University revalue the carrying amounts of their assets to determine whether there is any indication of impairment. If the indication exists, the impairment is measured by comparing the carrying amount of the asset with its recoverable amount. The recoverable amount is the higher of the asset's fair value less costs to sell and its value in use.

In determining the value in use, future cash flows will be discounted to their present value using a before tax discount rate that reflects current market assessments of the time value of money and the specific risks to the asset. In determining fair value less costs to sell, recent market transactions are taken into account, if available. If no such transactions can be identified, an appropriate valuation model is used.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.11 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (samb.)

2.11.1 Aset Penjanaan Tunai (samb.)

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.11.2 Aset Bukan Penjanaan Tunai

Kumpulan dan Universiti akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa Aset Penjanaan Bukan Tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan dan Universiti akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.11 Impairment of Non-Financial Assets (cont'd.)

2.11.1 Cash-Generating Assets (cont'd.)

Impairment loss are recognised as expenses in the Statement of Financial Performance immediately when the carrying amount of the asset exceeds its recoverable amount.

Impairment losses recognised in prior periods for an asset are reversed if, and only if, there has been a change in the estimates used to determine the asset's recoverable amount. The reversal is recognised in the Statement of Financial Performance.

2.11.2 Non-Cash-Generating Assets

The Group and University will assess at each reporting date whether there is any indication that Non-Cash-Generating Assets may be impaired. If any indication exists, the Group and University will estimate the recoverable service amount of the asset. The recoverable service amount is the higher of the asset's fair value less costs to sell and its value in use.

Impairment losses are recognised as expenses in the Statement of Financial Performance immediately when the carrying amount of the asset exceeds its recoverable service amount.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.11 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (samb.)

2.11.2 Aset Bukan Penjanaan Tunai (samb.)

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan dan Universiti telah menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di dalam pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambil kira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual yang mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Lembaga Gabenor akan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.11 Impairment of Non-Financial Assets (cont'd.)

2.11.2 Non-Cash-Generating Assets (cont'd.)

In determining the value in use, the Group and University have adopted the impaired replacement cost approach. Under this approach, the present value of the remaining service potential of the asset is determined as the impaired replacement cost of the asset. The impaired replacement cost is measured by taking into account the replacement cost of the asset less accumulated impairment calculated on that cost to reflect the service potential of the asset that has been consumed or has expired.

In determining the fair value less costs to sell, the price of the asset in a tied agreement is adjusted to determine the disposal price of the asset. If there is no tied agreement, but the asset is traded in an active market, the fair value less costs to sell is determined by reference to the latest market price less disposal costs. If there is no sales agreement or active market for the asset, the Board of Governors will determine the fair value less costs to sell based on the best available information.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.11 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (samb.)

2.11.2 Aset Bukan Penjanaan Tunai (samb.)

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan dan Universiti menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.12 Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk Liabiliti Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan Liabiliti Kewangan.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.11 Impairment of Non-Financial Assets (cont'd.)

2.11.2 Non-Cash-Generating Assets (cont'd.)

For each asset, valuation is perform at each reporting date as to whether there is any indication that previously recognised impairment losses may no longer exist or may have reduced. If such indications exist, the Group and University estimate the asset's recoverable service amount. The previously recognised impairment losses are reversed only if there has been a change in the assumptions used to determine the service asset's recoverable amount since the last impairment loss was recognised. The reversal is limited to the carrying amount of the asset not exceeding the service recoverable amount or the carrying amount that would have been determined, net of accumulated impairment, had no impairment loss been recognised for the asset in prior years. The reversal is recognised in the Statement of Financial Performance.

2.12 Financial Liabilities

Financial Liabilities are recognised in the Statement of Financial Position when the Group and University become a party to the contractual provisions of the instrument contract.

At initial recognition, Financial Liabilities are measured at fair value, including transaction costs for Financial Liabilities not measured at fair value through surplus or deficit, which are directly attributable to the issuance of the Financial Liabilities.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.12 Liabiliti Kewangan (samb.)

Selepas pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori Liabiliti Kewangan iaitu Liabiliti Kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum bayar.

Kumpulan dan Universiti mempunyai kategori Liabiliti Kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, Pinjaman dan Belum Bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan Liabiliti Kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat Liabiliti Kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa Liabiliti Kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa Liabiliti Kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.12 Financial Liabilities (cont'd.)

After initial recognition, Financial Liabilities are classified into one of two categories of Financial Liabilities which are Financial Liabilities measured at fair value through surplus or deficit, and loans and payables.

The Group and University have the following categories of Financial Liabilities:

(i) Loans and Payables

After initial recognition, Loans and Payables are measured at amortised cost using the effective interest rate. Gains or losses are recognised in surplus or deficit when the Financial Liabilities is derecognised or impaired.

The effective interest rate is a method of calculating the amortised cost of a Financial Liabilities and allocating interest expense over the relatedt period. The effective interest rate is the rate that exactly discounts estimated future cash payments through the expected life of the Financial Liabilities or, where appropriate, a shorter period, with the net carrying amount of the Financial Liabilities.

(ii) Derecognition of Financial Liabilities

Financial Liabilities are derecognised when the obligation specified in the contract is discharged, canceled, or expires.

Any difference between the carrying amount of a derecognised Financial Liabilities and the consideration paid is recognised in surplus or deficit in the period of derecognition.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.13 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomik perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan munasabah. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk dijelaskan kewajipan tersebut.

2.14 Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan Universiti menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai Pajakan Kewangan.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui Pajakan Kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai kini pembayaran pajakan minimum pada permulaan pajakan, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas Penyata Prestasi Kewangan sepanjang tempoh pelan pajakan.

2.15 Pajakan Operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai Pajakan Operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.13 Provisions

Provisions are recognised when the Group and University have a present obligation as a result of past events, it is probable that an outflow of resources embodying economic benefits will be required to settle the obligation, and the amount of the obligation can be estimated reliably. Provisions are reviewed at each Statement of Financial Position date and adjusted to reflect the current best estimate. Where the effect of the time value of money is material, the amount of the provision is the present value of the expenditures expected to be required to settle the obligation.

2.14 Finance Lease

Lease where the Group and University assume substantially all the risks and rewards of ownership of the asset are classified as Finance Lease.

Property, Plant and Equipment acquired under Finance Lease are capitalised at the lower of the fair value of the leased asset and the present value of the minimum lease payments at the inception of the lease, less accumulated depreciation and impairment losses. The corresponding liabilities related to the principal payments is accounted for as a liability, and finance charges are charged to the Statement of Financial Performance over the lease term.

2.15 Operating Leases

Leases where a significant portion of the risks and rewards of ownership are retained by the lessor are classified as Operating Leases. Payments made under these leases are charged to the Statement of Financial Performance on a straight-line basis over the lease term.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (samb.)

2.16 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.16.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomik masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus Niaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap suatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun dibawa liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan tertentu seperti Geran Pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun dibawa liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES (cont'd.)

2.16 Recognition of Revenue and Expenses

2.16.1 Revenue from Non-Exchange Transactions

